



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.700-7/6/2 (2 )  
Tarikh : 1 Jan 2024

**President**

**Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM),**  
99L, Jalan Tandok, Bangsar,  
59100 KUALA LUMPUR

(u.p. Ar. Abu Zarim bin Abu Bakar); Email: [info@pam.org.my](mailto:info@pam.org.my)

**President**

**The Institution Of Engineers, Malaysia (IEM)**  
Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,  
Jalan 52/4, Peti Surat 22 (Jalan Sultan),  
46720 PETALING JAYA

Selangor Darul Ehsan

(u.p. Ir. Prof. Dr. Norlida bt Buniyamin) ; Email: [sec@iem.org.my](mailto:sec@iem.org.my)

Dr/Tuan,

**HEBAHAN PELAKSANAAN PENDAFTARAN PROFESIONAL BAGI SISTEM ePREMIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita untuk makluman Dr/Tuan, JBPM kini sedang giat mengorak langkah bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan kebombaian seiring dengan kepesatan teknologi digital yang berkembang serta sejajar dengan inisiatif Kerajaan dalam memastikan transfomasi penyampaian perkhidmatan awam secara digital dioptimumkan.

3. Oleh hal yang demikian, adalah dimaklumkan bahawa JBPM telah membangunkan sistem secara atas talian (*online submission*) bagi permohonan pemprosesan pelan bangunan (Arkitektural dan Mekanikal & Elektrikal (M&E)) serta pemeriksaan dan pengujian pemasangan keselamatan kebakaran (PKK) yang dikemukakan oleh Profesional terutamanya *Principal Submitting Person (PSP)* atau *Submitting Person (SP)*. Sistem ini adalah dikenali sebagai Sistem ePREMIS.

...2/-

**'CEPAT DAN MESRA'**



- 2 -

4. Justeru itu bagi memastikan kelancaran penggunaan sistem ePremis ini kelak pihak JBPM mohon kerjasama pihak Dr / Tuan untuk membuat hebahan berkaitan perkara ini kepada semua profesional yang bernaung di bawah kawal seliaan Dr / Tuan bagi mendaftarkan akaun pengguna dalam sistem ePremis berdasarkan Manual Pengguna Sistem e-PREMIS yang dilampirkan bersama surat ini atau boleh membuat capaian manual tersebut di atas melalui pautan seperti yang berikut iaitu <https://epremis.bomba.gov.my/storage/manual/file/1698132736.Pemohon.docx.pdf>.

5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Dr/Tuan boleh berhubung dengan PgKB II Mohd Fazwan Bin Mohd Nawawi / PgB Amiruddin Shukri Bin Omar di talian 03-8892 7714 / 03-8892 7699.

6. Perhatian dan komitmen Dr/Tuan berkaitan perkara ini adalah sangat dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(OTHMAN BIN ABDULLAH)**

Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

s.k.

- i. YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Operasi)
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Pembangunan)

JBPM Negeri

- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri W.P. Kuala Lumpur
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
- YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya